Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2026, Vol.11(1), hlm.101-116
e-ISSN: 2600-8726© Mohd Hairulnizam Rosely & Zainuddin Baco
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

DARI GUA MADAI KE KAMPUNG MADAI: PERUBAHAN PENEMPATAN DAN KELANGSUNGAN IDENTITI KAUM IDAHAN DI KUNAK, 1881–2024

From Madai Cave to Kampung Madai: Settlement Transformation and the Continuity of Idahan Identity in Kunak, 1881–2024

Mohd Hairulnizam Rosely[1] & Zainuddin Baco*[2]

[1&2]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
*Corresponding author: Zainuddin@ums.edu.my

Dihantar: 14 Julai 2026 / Penambahbaikan: 1 Ogos 2026
Diterima: 29 Oktober 2026 / Terbit: 31 Disember 2026

Abstrak

Sejarah perkembangan kaum Idahan di Gua Madai dan Kampung Madai, Kunak, Sabah dari tahun 1881 hingga 2024 dengan memberi tumpuan kepada perubahan penempatan, kegiatan sosioekonomi, sosiobudaya dan kelangsungan identiti masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan, temu bual dan pemerhatian lapangan. Kajian mendapati bahawa Gua Madai memainkan peranan penting dalam kehidupan kaum Idahan, khususnya melalui kegiatan pengumpulan sarang burung yang diwarisi secara turun-temurun. Perubahan pentadbiran, pemodenan dan perkembangan ekonomi telah mempengaruhi struktur kehidupan masyarakat serta mendorong perubahan pola penempatan dan kegiatan ekonomi. Walaupun berhadapan dengan cabaran kepimpinan, jurang sosioekonomi dan penghakisan warisan budaya, kaum Idahan masih mengekalkan hubungan dengan Gua Madai melalui adat, kekeluargaan dan kegiatan tradisional. Oleh itu, pemeliharaan warisan sejarah dan budaya serta pembangunan ekonomi yang seimbang penting bagi memastikan kelangsungan identiti kaum Idahan.

Kata Kunci : Kaum Idahan, Gua Madai, Kampung Madai, Kunak, Warisan, Sosioekonomi.

Abstract

The historical development of the Idahan community in Madai Cave and Kampung Madai, Kunak, Sabah, from 1881 to 2024, focusing on settlement changes, socioeconomic activities, sociocultural practices, and the continuity of community identity. This qualitative study employs library research, interviews, and field observations. The findings demonstrate that Madai Cave has played an important role in the lives of the Idahan community, particularly through the traditional bird's nest harvesting activity passed down across generations. Political changes, modernization, and economic development have influenced the community's social structure, settlement patterns, and economic activities. Despite challenges related to leadership, socioeconomic inequality, and cultural heritage preservation, the Idahan community continues to maintain its connection with Madai Cave through customary practices, kinship, and traditional activities. Therefore, preserving historical and cultural heritage alongside balanced economic development is essential to sustaining Idahan identity.

Keywords **:** *Idahan Community, Madai Cave, Kampung Madai, Kunak, Heritage, Socioeconomic.*

Pengenalan

Sejarah masyarakat peribumi di Sabah mempunyai hubungan yang erat dengan faktor alam sekitar, kegiatan ekonomi, struktur sosial dan perubahan politik. Dalam konteks pantai timur Sabah, kaum Idahan merupakan antara komuniti peribumi yang mempunyai sejarah panjang khususnya di kawasan Lahad Datu, Kunak dan Teluk Darvel. Kaum ini mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan kawasan gua batu kapur, hutan dan sumber semula jadi yang menjadi asas kepada kehidupan mereka. Gua Madai khususnya mempunyai kedudukan yang penting kerana menjadi pusat pengumpulan sarang burung yang kemudiannya berkembang sebagai salah satu kegiatan ekonomi utama kaum Idahan (Bellwood, 1988: 255).

Kaum Idahan juga merupakan salah satu kelompok yang mempunyai hubungan sejarah dengan perkembangan Islam di Sabah. Penemuan manuskrip Jawi Idahan serta bukti mengenai pengislaman awal masyarakat tersebut menunjukkan bahawa hubungan antara kaum Idahan dengan dunia luar telah berlaku sejak tempoh yang

panjang. Manuskrip tersebut turut mengandungi unsur berkaitan agama, hukum dan salasilah keturunan kaum Idahan (Sintang, Onga, Lukin, & Idris, 2020: 56–61).

Hubungan kaum Idahan dengan kawasan pantai timur Sabah turut berkembang melalui jaringan perdagangan. Kedudukan Teluk Darvel sebagai kawasan perdagangan memberikan peluang kepada masyarakat tempatan untuk berhubung dengan pedagang dari Kepulauan Sulu dan China. Sarang burung menjadi antara komoditi yang mempunyai nilai tinggi dalam jaringan perdagangan tersebut (Warren, 2007: 3–5). Kemunculan Syarikat Borneo Utara British (SBUB) pada tahun 1881 membawa perubahan besar terhadap struktur politik dan ekonomi masyarakat tempatan. Sistem kepimpinan tradisional yang sebelum itu berasaskan adat dan hubungan kekeluargaan mula berhadapan dengan sistem pentadbiran kolonial yang memperkenalkan struktur birokrasi, percukaian, perlesenan dan dokumentasi rasmi (Tregonning, 1965: 15–25). Perubahan tersebut diteruskan melalui pendudukan Jepun antara tahun 1941 hingga 1945, pentadbiran British Military Administration (kehidupan kaum Idahan.

Sehubungan itu, artikel ini memberi tumpuan kepada proses perubahan kaum Idahan dari Gua Madai kepada Kampung Madai dalam konteks sejarah Kunak antara tahun 1881 hingga 2024. Artikel ini berhujah bahawa perubahan daripada Gua Madai kepada Kampung Madai bukanlah suatu pemutusan hubungan kaum Idahan dengan kawasan asal mereka, tetapi merupakan proses penyesuaian terhadap perubahan politik, ekonomi dan sosial sambil mengekalkan Gua Madai sebagai ruang ekonomi, budaya dan identiti.

Sejarah Kunak dan Kaum Idahan

Sebelum kemunculan SBUB pada tahun 1881, kawasan yang kini dikenali sebagai Kunak telah mempunyai struktur sosial, ekonomi dan politik tersendiri. Masyarakat tempatan, termasuk kaum Idahan, menjalankan kegiatan ekonomi berdasarkan sumber alam seperti sarang burung, pertanian, perikanan, pemburuan dan hasil hutan. Walaupun kawasan tersebut berada dalam lingkungan pengaruh Kesultanan Sulu, masyarakat tempatan masih mempunyai ruang tertentu untuk mengurus kehidupan mereka melalui kepimpinan adat dan hubungan kekeluargaan. Hubungan dengan Kesultanan Sulu

penting kerana ia membuka ruang kepada perdagangan dan hubungan politik. Sarang burung menjadi antara komoditi utama yang diperdagangkan melalui jaringan Laut Sulu. Hubungan tersebut kemudiannya berkembang kepada jaringan perdagangan dengan pedagang China (Warren, 2007: 90–92). Dalam konteks ini, Gua Madai mempunyai kedudukan strategik. Keberadaan sumber sarang burung menjadikan kawasan tersebut pusat kegiatan ekonomi kaum Idahan. Hubungan dengan alam sekitar bukan sahaja menentukan lokasi penempatan, tetapi turut membentuk kehidupan sosial dan budaya masyarakat.

Kemunculan SBUB selepas tahun 1881 membawa perubahan terhadap struktur politik kaum Idahan. Sistem pentadbiran kolonial memperkenalkan Residensi, daerah dan pegawai daerah bagi memastikan pentadbiran lebih tersusun. Pada masa yang sama, undang-undang, sistem cukai, pendaftaran tanah dan perlesenan diperkenalkan bagi mengawal sumber ekonomi (Tregonning, 1965: 15–25). Perubahan tersebut turut mempengaruhi kuasa kepimpinan tradisional. Sebelum 1881, kaum Idahan bergantung kepada ketua komuniti dan pemimpin adat dalam mengurus hal sosial dan ekonomi. Selepas campur tangan SBUB, pemimpin tempatan masih digunakan sebagai perantara tetapi kuasa mereka semakin tertakluk kepada struktur pentadbiran kolonial (Rutter, 1922: 157–159). Dalam bidang ekonomi, kegiatan sarang burung yang sebelum itu dikawal melalui adat dan pewarisan mula berada di bawah pengawasan kolonial. Peningkatan nilai sarang burung dalam perdagangan antarabangsa menyebabkan SBUB memperkenalkan sistem kawalan, perlesenan dan cukai (Warren, 2007: 219). Perubahan ini menunjukkan bahawa kolonialisme bukan sahaja mengubah sistem politik tetapi turut mempengaruhi hubungan kaum Idahan dengan sumber ekonomi tradisional mereka.

Pendudukan Jepun membawa perubahan yang lebih drastik. Sistem pentadbiran kolonial digantikan dengan pemerintahan tentera yang bersifat lebih autoritarian. Ketua kampung dan pemimpin tempatan perlu melaporkan diri kepada pegawai Jepun serta mematuhi arahan berkaitan pengumpulan hasil, mobilisasi buruh dan kawalan sosial (Rutter, 1922: 202). Kegiatan ekonomi turut terjejas apabila sumber seperti sarang burung, rotan, damar dan hasil laut dikawal untuk kepentingan perang Jepun. Perdagangan maritim di Teluk Darvel juga dikawal dan sebahagian hasil dihantar bagi memenuhi keperluan pihak Jepun (Warren, 2007: 311; Rutter, 1922:

208). Keadaan tersebut memberikan tekanan besar kepada masyarakat tempatan. Mobilisasi buruh, kekurangan bekalan makanan dan perubahan demografi menyebabkan kehidupan kaum Idahan turut terganggu.

Selepas Jepun menyerah kalah pada tahun 1945, BMA mengambil alih pentadbiran Borneo Utara. Usaha pemulihan memberi tumpuan kepada kestabilan politik, pemulihan pentadbiran dan pembangunan semula kemudahan asas. Ketua Anak Negeri dan sistem pentadbiran daerah turut dipulihkan (Tregonning, 1965: 95–97). Dari sudut ekonomi, kegiatan pertanian, hasil hutan, perdagangan dan pengumpulan sarang burung dipulihkan secara beransur-ansur. Teluk Darvel kembali memainkan peranan dalam jaringan perdagangan serantau (Rutter, 1922: 215). Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, pembangunan Kunak semakin berkembang melalui kemudahan pendidikan, kesihatan, jalan raya, pertanian, perladangan, perikanan dan pelancongan. Gua Madai turut diberikan perhatian sebagai kawasan yang mempunyai nilai warisan dan pelancongan. Perubahan tersebut turut memberi kesan kepada kaum Idahan. Sebahagian masyarakat mula terlibat dalam pekerjaan moden seperti perkhidmatan, perniagaan dan pendidikan. Walaupun generasi muda berhijrah ke bandar, hubungan dengan Kampung Madai dan Gua Madai masih dikekalkan melalui kekeluargaan dan adat.

Gua Madai dan Perubahan Penempatan Kaum Idahan

Kaum Idahan merupakan salah satu kumpulan peribumi yang tertumpu di pantai timur Sabah, khususnya Lahad Datu, Kunak dan kawasan Teluk Darvel. Hubungan mereka dengan gua batu kapur dan sumber semula jadi telah memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti masyarakat tersebut (Bellwood, 1988: 255). Istilah "Idahan" atau "Ida'an" bukan sekadar merujuk kepada identiti etnik tetapi turut mempunyai hubungan dengan sejarah, ekonomi dan budaya masyarakat tersebut. Istilah ini sering dikaitkan dengan komuniti yang mendiami pantai timur Sabah dan terlibat dalam kegiatan seperti pengumpulan sarang burung (Sintang et al., 2020: 56–61; Warren, 2007: 3–5). Hubungan tersebut semakin jelas apabila kegiatan sarang burung menjadi sebahagian daripada identiti masyarakat. Menurut Abdul Karim bin Gurau, sarang burung telah menjadi kegiatan ekonomi yang diwarisi sejak zaman nenek moyang

dan mempunyai hubungan dengan budaya serta adat ritual kaum Idahan (Temu bual, Abdul Karim bin Gurau, 9 Jun 2026).

Taburan kaum Idahan dipengaruhi oleh faktor geografi, ekonomi dan sejarah. Kawasan sekitar Lahad Datu, Kunak dan Teluk Darvel menjadi tumpuan kerana berdekatan dengan sumber alam dan jaringan perdagangan. Perpindahan kaum Idahan dari kawasan pedalaman ke kawasan pesisir berlaku secara berperingkat dan berkait dengan kegiatan ekonomi serta perdagangan maritim (Sintang et al., 2020: 60). Semasa pemerintahan SBUB, corak penempatan turut mengalami perubahan apabila sebahagian masyarakat dipindahkan ke penempatan tertentu bagi memudahkan kawalan pentadbiran. Penempatan seperti Segangan, Bikang dan Segama merupakan antara kawasan yang berkaitan dengan perubahan tersebut (Setia, 2021: 93–99).

Foto 1: Bukit Gua Madai



Sumber: CEphoto, Uwe Aranas (2014).

Dalam konteks Kunak, Gua Madai dan Kampung Madai membentuk satu jaringan ruang yang saling berkaitan. Gua Madai berfungsi sebagai pusat ekonomi tradisional, manakala Kampung Madai berfungsi sebagai ruang kediaman dan komuniti. Kampung Madai pula terbahagi kepada dua kawasan utama, iaitu Agop Atas dan Agop Alag. Kedua-duanya mempunyai kedudukan geografi yang berbeza tetapi masih berada dalam kawasan Madai yang sama. Kegiatan pengumpulan sarang burung turut mempengaruhi

pergerakan masyarakat ke Kampung Madai, terutama pada musim pengutipan (Marin, 2003: 26–28). Hubungan tersebut menunjukkan bahawa perubahan penempatan daripada gua kepada kampung bukanlah suatu perubahan mutlak. Sebaliknya, terdapat kesinambungan ruang antara gua, kampung dan kawasan sekitarnya.

Foto 2: Gua Madai



Sumber: CEphoto, Uwe Aranas (2014).

Sosiobudaya Kaum Idahan

Sistem kepimpinan kaum Idahan pada peringkat awal berasaskan hubungan kekeluargaan, keturunan, adat dan pengiktirafan masyarakat. Pemimpin memainkan peranan dalam menyelesaikan konflik, mengurus hubungan sosial serta memastikan kegiatan ekonomi berjalan dengan teratur (Setia, 2007: 99–100). Sistem kepimpinan tradisional turut melibatkan "Orang Tua" dan Majlis Kampung. Orang Tua menjadi pemimpin utama, manakala Majlis Kampung membantu dalam urusan pentadbiran dan memberikan nasihat (Osman, 1985: 12). Selepas kedatangan SBUB, sebahagian pemimpin tempatan diiktiraf sebagai perantara antara masyarakat dengan pihak kolonial. Walaupun struktur tradisional tidak hilang sepenuhnya, kuasa pemimpin tempatan semakin tertakluk kepada pentadbiran kolonial (Tregonning, 1965: 51–53; Rutter, 1922: 157–159). Pada masa kini, kepimpinan masyarakat di Kampung Madai diteruskan melalui struktur Ketua Kampung dan organisasi masyarakat.

Nor Azizah binti Ismail menyatakan bahawa kepimpinan Kampung Madai kini diketuai oleh Rawbay Alexsius (Temu Bual, Nor Azizah binti Ismail, (9 Jun 2026).

Sebelum penerimaan Islam, kaum Idahan mempunyai kepercayaan yang berkait dengan alam semula jadi. Hutan, sungai dan gua dianggap mempunyai unsur spiritual tertentu. Kedatangan Islam mengubah sebahagian daripada sistem kepercayaan tersebut, tetapi beberapa adat dan pantang larang masih diteruskan dalam bentuk yang disesuaikan dengan kehidupan masyarakat Islam (Setia, 2007: 163–164; Sintang et al., 2020: 62–65). Pantang larang turut berkait dengan kegiatan ekonomi. Masyarakat perlu menjaga adab ketika memasuki hutan dan memperhatikan tanda-tanda tertentu seperti arah penerbangan burung. Bunyi atau keadaan luar biasa tertentu pula boleh dianggap sebagai petanda untuk menghentikan kegiatan (Onga, 2024). Gua Madai juga mempunyai nilai spiritual. Masyarakat mengaitkannya dengan roh nenek moyang, makhluk halus dan kubur lama. Oleh sebab itu, aktiviti pengumpulan sarang burung tertakluk kepada pantang larang tertentu seperti larangan membuat bising, bersin atau membawa binatang peliharaan ke kawasan gua (Temu Bual, Rawbay Alexsius, 2026).

Foto 3: Pakaian Perkhawinan Kaum Idahan



Sumber: MySabah. (2006)

Perkahwinan memainkan peranan penting dalam mengekalkan hubungan kekeluargaan dan identiti masyarakat. Salasilah keturunan diberi perhatian kerana membantu mengenal pasti hubungan darah serta mengelakkan perkahwinan antara individu yang mempunyai pertalian darah rapat (Onga & Sintang, 2023: 6). Adat perkahwinan melibatkan beberapa peringkat seperti merisik, meminang, rombongan dan pernikahan. Selepas penerimaan Islam, akad nikah menjadi bahagian penting dalam perkahwinan kaum Idahan (Setia, 2007: 191–197). Hal ini menunjukkan bahawa kaum Idahan menggabungkan unsur adat tradisional dengan ajaran Islam dalam kehidupan sosial mereka.

Kegiatan Sosioekonomi Kaum Idahan

Pengumpulan sarang burung merupakan kegiatan ekonomi paling penting dalam sejarah kaum Idahan. Aktiviti ini bukan sahaja menjadi sumber pendapatan tetapi turut membentuk sistem sosial, adat dan pewarisan masyarakat. Gua Madai menjadi pusat utama kegiatan tersebut (Francis, 1987: 16–18). Menurut tradisi lisan, sejarah pengumpulan sarang burung di Gua Madai dikaitkan dengan legenda Apoi yang menemukan gua tersebut selepas mengejar seekor rusa. Kisah tersebut kemudiannya dikaitkan dengan penemuan sarang burung dan perkembangan kegiatan pengumpulan oleh keturunan kaum Idahan. Kegiatan tersebut berkembang apabila kaum Idahan menjalinkan hubungan perdagangan dengan Kesultanan Sulu dan pedagang China. Sarang burung menjadi komoditi bernilai tinggi dalam perdagangan antarabangsa, khususnya dalam pasaran China (Berma, Sulehan, & Shahadan, 2010: 6–9; Warren, 2007: 3–5). Sistem pengurusan sarang burung pula berasaskan hak keluarga dan pewarisan. Setiap keluarga yang mempunyai hak tertentu diberikan bahagian atau kawasan tertentu untuk mengutip sarang burung.

Dalam perkembangan moden, nama pemilik, kawasan gua, tahun pengutipan dan pewaris direkodkan dalam sistem pendaftaran (Setia, 2021: 226–233). Dari segi jenis, sarang burung putih dan hitam merupakan antara sarang yang penting. Kaum Idahan turut mempunyai istilah tersendiri seperti Krok Salag Puti, Krok Salag Sidom, Krok Lumut dan Krok Skedepa (Moody & Moody, 1989: 52). Kaedah pengumpulan pula memerlukan kemahiran dan pengalaman kerana sarang terletak di bahagian tinggi dan sukar dicapai dalam gua.

Peralatan seperti Gugulug, Pidtau, tali rotan dan Ambong digunakan dalam proses pengumpulan (Setia, 2021: 233–235).

Foto 4: Sarang Burung Hitam 4



Sumber: CEphoto, Uwe Aranas (2014).

Pertanian merupakan kegiatan ekonomi tambahan bagi kaum Idahan. Pada peringkat awal, pertanian lebih bersifat sara diri untuk memenuhi keperluan makanan keluarga. Tanaman yang diusahakan termasuk padi, ubi, kekacang, jagung dan tebu (Setia, 2021: 168–172). Di kawasan Madai, masyarakat turut menanam ubi kayu, kelapa sawit dan cili padi. Hasil pertanian kemudiannya dibawa ke pekan Kunak untuk dijual dan menjadi sumber pendapatan tambahan (Temu bual, Tupas Jati bin Gumantong, 9 Jun 2026). Kegiatan ini menunjukkan bahawa kehidupan ekonomi kaum Idahan tidak bergantung sepenuhnya kepada sarang burung.

Hasil hutan menjadi sumber ekonomi tambahan terutama ketika musim pengumpulan sarang burung tidak berlangsung. Aktiviti ini dilakukan secara berkumpulan dan mempunyai hubungan rapat dengan keluarga. Masyarakat memasuki hutan selama beberapa hari bagi mendapatkan hasil seperti damar, gaharu, nipah, rotan dan getah perca (Setia, 2021: 172–177). Rotan mempunyai kepentingan khusus kerana digunakan untuk menghasilkan peralatan dalam kegiatan pengumpulan sarang burung. Hasil hutan kemudiannya dijual kepada pedagang atau dibawa ke pasar Kunak dan Lahad Datu (Temu Bual, Rawbay Alexsius, 10 Jun 2026).

Kegiatan ekonomi kaum Idahan mengalami perubahan daripada ekonomi sara diri kepada ekonomi yang lebih berorientasikan pasaran. Perubahan tersebut dipengaruhi oleh perdagangan antarabangsa, kolonialisme, perkembangan teknologi dan globalisasi. Semasa pemerintahan British, pengumpulan sarang burung mula dikawal melalui sistem perundangan dan pentadbiran. Birds Nest Ordinance 1914 meletakkan kegiatan pengumpulan di bawah pengawasan kerajaan kolonial, termasuk pengenaan cukai dan sistem pendaftaran (Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, 2021: 3). Pada zaman moden, penggunaan kenderaan dan kemudahan pengangkutan memudahkan proses membawa sarang burung keluar dari kawasan Madai untuk dibersihkan dan diproses. Sebahagian hasil kemudiannya dipasarkan ke kawasan lain termasuk pasaran luar negara (Temu Bual, Haji Suti bin Ghaib, (9 Jun 2026). Dalam masa yang sama, sebahagian kaum Idahan mula terlibat dalam pekerjaan moden seperti perniagaan, pendidikan dan perkhidmatan kerajaan. Namun, pengumpulan sarang burung masih dianggap sebagai simbol identiti dan warisan masyarakat (Setia, 2021: 226–233).

Cabaran Kelangsungan Kaum Idahan

Sistem kepimpinan tradisional mempunyai hubungan rapat dengan pengurusan Gua Madai. Pemimpin menentukan giliran pengutipan, mengawal akses ke gua dan membantu memastikan pembahagian hasil dilakukan mengikut adat (Francis, 1987: 34). Walau bagaimanapun, sistem tersebut berhadapan dengan cabaran apabila berlaku pertukaran generasi, pengaruh luar dan kelemahan dokumentasi. Hak dan peraturan yang bergantung kepada ingatan kolektif serta pengesahan lisan boleh menyebabkan perbezaan tafsiran apabila berlaku perubahan generasi (Onga, 2024: 7). Pada masa kini, organisasi seperti Persatuan Kebudayaan Etnik Idahan Sabah memainkan peranan sebagai penghubung antara masyarakat dengan pihak luar. Organisasi tersebut berfungsi dalam usaha memelihara budaya, sejarah dan hak warisan kaum Idahan (Terimoh, 1981: 24; Lukin, Sintang, & Johnes, 2022: 183–194). Namun, penglibatan generasi muda dalam organisasi dan aktiviti kebudayaan semakin menjadi cabaran. Penghijrahan ke bandar, pendidikan dan pekerjaan moden menyebabkan sebahagian golongan muda kurang terlibat dalam aktiviti komuniti (Lukin, Sintang, & Johnes, 2022: 183–194).

Sistem pewarisan hak sarang burung merupakan salah satu cabaran penting. Hak memasuki, mengutip dan mengurus kawasan tertentu tidak dimiliki secara sama rata oleh semua anggota masyarakat, sebaliknya ditentukan berdasarkan garis keturunan dan pewarisan keluarga. Pertambahan generasi menyebabkan pembahagian hak semakin kompleks. Bahagian yang diwarisi perlu dikongsi oleh lebih ramai ahli keluarga dan keadaan ini berpotensi menimbulkan pertindihan tuntutan serta salah faham berkaitan sempadan kawasan (Onga, 2024: 23). Keadaan tersebut turut menghasilkan perbezaan ekonomi antara pemilik hak dengan masyarakat yang tidak mempunyai akses langsung kepada gua. Sebahagian masyarakat terpaksa bergantung kepada pertanian, perikanan atau pekerjaan lain untuk memenuhi keperluan kehidupan (Kindoyop, Jusilin, & Ibrahim, 2025). Dengan demikian, sistem warisan sarang burung mempunyai dua sisi. Pada satu pihak, sistem tersebut membantu mengekalkan adat dan hak tradisional. Pada pihak yang lain, sistem tersebut boleh mengehadkan akses ekonomi dan mobiliti sosial.

Warisan budaya kaum Idahan mempunyai hubungan erat dengan Gua Madai, kegiatan sarang burung, adat dan pengetahuan tradisional. Gua bukan sahaja menjadi sumber ekonomi tetapi juga ruang yang mempunyai nilai budaya dan spiritual. Sebahagian besar pengetahuan tradisional diwariskan secara lisan daripada generasi tua kepada generasi muda. Pengetahuan tersebut termasuk cara mengutip sarang burung, mengurus kawasan gua, adat dan kefahaman terhadap alam sekitar. Kebergantungan kepada tradisi lisan menyebabkan pengetahuan tersebut berisiko hilang sekiranya tidak didokumentasikan (Onga, 2024: 7). Pengurangan penglibatan generasi muda dalam kegiatan kebudayaan juga menjadi cabaran. Pendidikan, pekerjaan di bandar, media sosial dan pengaruh budaya luar menyebabkan sebahagian generasi muda semakin jauh daripada kehidupan tradisional (Lukin, Sintang, & Johnes, 2022: 183–194). Penggunaan bahasa ibunda yang semakin berkurangan turut memberi kesan terhadap pewarisan budaya kerana bahasa merupakan medium penting dalam penyampaian sejarah lisan dan pengetahuan tradisional.

Usaha Memperkukuh Kelangsungan Kaum Idahan

Usaha memelihara kelangsungan kaum Idahan perlu melibatkan aspek politik, ekonomi dan budaya secara serentak. Pendekatan yang hanya memberi tumpuan kepada satu aspek tidak mencukupi kerana ketiga-tiganya saling berkaitan. Pertama, institusi kepimpinan dan organisasi masyarakat perlu diperkukuhkan. Persatuan Kebudayaan Etnik Idahan Sabah boleh berperanan sebagai wakil masyarakat dalam urusan pembangunan, kebudayaan dan hak warisan. Pada masa yang sama, peranan ketua adat perlu terus dihormati dalam penyelesaian konflik berkaitan hak tradisional (Pugh-Kitingan, 2017: 8).

Kedua, penyertaan generasi muda dalam kepimpinan perlu dipertingkatkan. Golongan muda bukan sahaja merupakan pewaris budaya tetapi juga bakal menjadi pemimpin masyarakat. Pewarisan pengetahuan secara lisan perlu diperkukuhkan supaya pengetahuan mengenai adat, sejarah dan pengurusan sarang burung tidak terputus antara generasi (Kindoyop, Jusilin, & Ibrahim, 2025: 12–20).

Ketiga, peluang ekonomi perlu dipelbagaikan. Penglibatan dalam pelancongan warisan, keusahawanan, pendidikan, perusahaan kecil dan pembangunan kemahiran boleh membantu mengurangkan kebergantungan terhadap sarang burung. Pendekatan tersebut juga dapat membuka peluang kepada golongan yang tidak mempunyai hak warisan terhadap gua.

Keempat, pendokumentasian sejarah lisan dan warisan budaya perlu dilakukan secara sistematik. Sejarah asal-usul Gua Madai, salasilah keluarga, adat, bahasa, pantang larang serta teknik pengumpulan sarang burung wajar direkodkan dalam bentuk tulisan, audio dan visual. Pendokumentasian tersebut penting kerana sebahagian besar pengetahuan tradisional masih bergantung kepada ingatan dan penceritaan golongan tua.

Kelima, pembangunan pelancongan Gua Madai perlu dilakukan secara berhati-hati. Nilai ekonomi kawasan tersebut perlu diseimbangkan dengan kepentingan warisan dan hak kaum Idahan. Penglibatan komuniti setempat sebagai pemandu, pengusaha produk budaya dan pengendali aktiviti warisan boleh memberikan manfaat ekonomi tanpa memisahkan masyarakat daripada warisan mereka.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa sejarah kaum Idahan di Gua Madai dan Kampung Madai merupakan suatu proses perubahan yang dipengaruhi oleh faktor politik, ekonomi, sosial dan budaya. Gua Madai bukan sahaja menjadi pusat kegiatan pengumpulan sarang burung, tetapi turut mempunyai nilai penting dalam pembentukan identiti dan kehidupan kaum Idahan. Perubahan pentadbiran daripada pemerintahan Kesultanan Sulu kepada SBUB, pendudukan Jepun, pentadbiran British dan pembentukan Malaysia telah mempengaruhi struktur kehidupan serta kegiatan ekonomi masyarakat. Dalam masa yang sama, perubahan daripada kawasan Gua Madai kepada Kampung Madai memperlihatkan proses penyesuaian masyarakat terhadap perkembangan zaman tanpa memutuskan hubungan dengan Gua Madai.

Walaupun kaum Idahan kini terdedah kepada pemodenan, penghijrahan dan perubahan ekonomi, kegiatan tradisional, adat, hubungan kekeluargaan dan warisan Gua Madai masih menjadi unsur penting dalam mengekalkan identiti mereka. Namun, kelangsungan tersebut berhadapan dengan cabaran seperti perubahan kepimpinan, ketidakseimbangan akses ekonomi dan penghakisan warisan dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, pemeliharaan sejarah, adat dan warisan Gua Madai perlu diseimbangkan dengan pembangunan sosioekonomi agar identiti kaum Idahan terus dapat dipertahankan dalam menghadapi perubahan zaman.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

Bellwood, P. (1988). *Archaeological Research in South-Eastern Sabah* (Sabah Museum Monograph, Vol. 2). Kota Kinabalu: Sabah Museum.

Berma, M., Sulehan, J., & Shahadan, F. (2010). *White Gold: The Role of Edible Birds' Nest in the Livelihood Strategy of the Idahan Communities in Malaysia*. Kertas Seminar yang dibentangkan di DEVNET Conference 1-3 Disember 2010, di Massey University, Palmerston North, New Zealand.

Francis, C. M. (1987). *The Management of Edible Bird's Nest Caves in Sabah*. Kota Kinabalu: Sabah Wildlife Department.

Kindoyop, S., Jusilin, H., & Ibrahim, I. (2025). *Eksplorasi Peribumi Borneo: Masyarakat Idahan*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah. (2021). *Etnik Idahan: Aktiviti Sosioekonomi (Mengutip Sarang Burung Secara Warisan)*. Kota Kinabalu: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.

Lukin @ Lokin, S. A., Sintang, S., & Johnes, J. (2022). Sejarah dan Pengalaman Hubungan Etnik di Sabah: Kesepaduan dalam Kepelbagaian. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities.* Vol. 19(6): 233–249.

Marin, R. (2003). *Gua Madai: Masyarakat Kaum Idahan.* (Latihan Ilmiah). Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah. (Tidak Diterbitkan)

Moody, D. C., & Moody, M. A. (1989). *Buku Frasa Tiga Bahasa (Ida'an–Bahasa Malaysia–English)*. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Negeri Sabah.

Onga, R. (2024). Sejarah Pemilikan dan Pewarisan Sarang Burung di Sabah: Tradisi dan Tribulasi. *Kepulauan: Jurnal Antarabangsa Pengajian Kepulauan Melayu.* Vol. 4(1): 21-43.

Onga, R., & Sintang, S. (2023). Perkahwinan Campur Kedatuan–Idahan dan Hubungannya dengan Perkembangan Islam di Lahad Datu, Sabah. *Akademika.* Vol. 93(1): 15–26. https://doi.org/10.17576/akad-2023-9301-02

Osman, S. (1985). *Pentadbiran Bumiputera Sabah 1881–1941*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yayasan Sabah.

Pugh-Kitingan, J. (2017). From Gabbang to Gabang: The Diffusion and Transformation of a Philippine Xylophone among Indigenous Paitanic Communities of Sabah, Malaysia. *Borneo Research Journal.* Vol. 11: 106–117.

Rutter, O. (1922). *British North Borneo: An Account of Its History, Resources and Native Tribes*. London: Constable & Company.

Setia, J. A. (2007). *Sejarah Awal dan Kemajuan Suku Idahan di Lahad Datu (1896 sehingga 1940).* Tesis Sarjana. Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah. (Tidak diterbitkan).

Setia, J. A. (2021). *Perubahan dan Adaptasi: Kaum Idahan di Lahad Datu, Sabah 1881–1941.* Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaa, Universiti Malaysia Sabah. (Tidak diterbitkan).

Sintang, S., Onga, R., Lukin, S. A., & Idris, A. (2020). The Borneo Islamic Heritage and the Significance of Idahan Jawi Manuscript. *Al-Albab.* Vol. 9(1): 55–72.

Terimoh, M. H. (1981). Sarang Burung dan Kepentingannya dalam Masyarakat Idahan. Dalam, Dewan Budaya. Jilid 3(2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tregonning, K. G. (1965). *A History of Modern Sabah (North Borneo 1881–1963)*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Warren, J. F. (2007). *The Sulu Zone, 1768–1898: The Dynamics of External Trade, Slavery and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*. Singapura: NUS Press.

Sumber atas Talian

CEohoto, Uwe Aranas. (2014) https://commons.wikimedia.org/wiki/File%3AMadai_Sabah_Bird-nest-of-a-black-nest-swiftlet-01.jpg

CEphoto, Uwe Aranas. (2014). https://commons.wikimedia.org/wiki/File%3AKunak_Sabah_Mount-Madai-01.jpg

CEphoto, Uwe Aranas. (2014). https://commons.wikimedia.org/wiki/File%3AMadai_Sabah_Madai-Cave-01.jpg

MySabah. (2006). *People of Sabah*. https://www.mysabah.com/wordpress/people-of-sabah/

Temu Bual

Abdul Karim bin Gurau. 70 Tahun. (2026, 9 Jun). Temu bual mengenai sarang burung sebagai kegiatan ekonomi kaum Idahan sejak dahulu. Mantan Ketua Madai (1996–1998).

Haji Suti bin Ghaib. 69 Tahun. (2026, 9 Jun). Temu bual mengenai pembahagian Kampung Madai dan pengangkutan dalam kegiatan pengumpulan sarang burung. Mantan Ketua Madai (1999–2005).

Nor Azizah binti Ismail. 50 Tahun. (2026, 9 Jun). Temu bual mengenai kepimpinan Kampung Madai pada masa kini.

Rawbay Alexsius. 56 Tahun. (2026, 10 Jun). Temu bual mengenai pantang larang semasa pengumpulan sarang burung dan aktiviti pengumpulan hasil hutan. Ketua Kampung Madai.

Tupas Jati bin Gumantong. 64 Tahun. (2026, 9 Jun). Temu bual mengenai aktiviti pertanian kaum Idahan di Madai.